



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA PROF MADYA DR NIK
KAMARULZAMAN BIN NIK ABDULATIFF MENGENAI PERKEMBANGAN
DAN KEMAJUAN UITM CAWANGAN KELANTAN DARI AWAL
PENUBUHAN HINGGA TAHUN 2013

DISEDIAKAN OLEH:

NOR AIDA BINTI FAUZI (2011987745)

SHAHKIMAN BIN ALAUDDIN (2011521299)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UIVERSITI TEKNOLOGI MARA, KAMPUS SEGAMAT, JOHOR.

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604-DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2013 – JULAI 2013)

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	
Abstrak	1
Pengenalan	2
Transkrip Wawancara Kaset 1 Bahagian A Kaset 1 Bahagian B Kaset 2 Bahagian A Kaset 2 Bahagian B	15
Log Wawancara	77
Biodata Tokoh	87
Senarai Soalan	91
Rujukan	98
Nama Singkatan	99
Perkongsian Ilmu	101
Indeks	103

**WAWANCARA BERSAMA PROF MADYA DR NIK KAMARULZAMAN BIN
NIK ABDULATIFF MENGENAI PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN UiTM
CAWANGAN KELANTAN DARI AWAL PENUBUHAN HINGGA TAHUN 2013**

***Abstrak:** Transkrip ini mengandungi wawancara sejarah lisan bersama bersama Prof Madya Dr Nik Kamarulzaman Bin Nik Abdulatiff iaitu Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni UiTM Kelantan mengenai perkembangan dan kemajuan UiTM cawangan Kelantan dari awal penubuhan hingga tahun 2013. Berbekalkan 27 tahun pengalaman, beliau dikatakan sangat berpengalaman dalam bidang pendidikan dan merupakan staf akademik yang paling lama berkhidmat di UiTM Kelantan. Jasa beliau seperti menubuhkan program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan sedikit sebanyak telah memberi impak besar kepada perkembangan UiTM Kelantan. Pembangunan serta kemajuan UiTM dari awal penubuhan sehinggalah tahun 2013 dapat dikenalpasti oleh beliau dengan penglibatan semua pengarah UiTM Kelantan. Beliau juga masih aktif menjadi tenaga pengajar di Fakulti Perakaunan UiTM Kelantan. Wawancara ini telah menyingkap latar belakang lanjut mengenai beliau, sejarah pendidikan, serta pengalaman dan perjalanan hidup beliau sepanjang karier beliau dalam bidang pendidikan. Terkandung di dalam ini juga adalah pembangunan serta perkembangan UiTM cawangan Kelantan dari dahulu sehingga sekarang. Selanjutnya, transkrip ini juga menghuraikan dengan lebih lanjut tentang perkembangan dan kemajuan UiTM cawangan Kelantan dari awal penubuhan hingga tahun 2013.*

***Kata kunci:** Prof Madya Dr Nik Kamarulzaman Nik Abdulatiff, UiTM, Timbalan Rektor PJI, Fakulti Perakaunan*

PENGENALAN

Sejarah lisan adalah merupakan salah satu kaedah yang penting untuk merekod, mengumpul serta memelihara maklumat sejarah yang amat berharga dan bernilai bagi sesebuah Negara. Peristiwa-peristiwa penting yang pernah berlaku pada masa lampau adalah perlu untuk direkodkan, agar ianya dapat dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang oleh semua lapisan umur. Objektif utama wawancara sejarah lisan ini adalah untuk merakamkan perjalanan sejarah serta peristiwa penting yang pernah dilalui oleh seseorang individu yang mana tidak tercatat dalam mana-mana penerbitan bahan-bahan penulisan sebelum ini. Tokoh-tokoh pada kebiasaannya dipilih terdiri daripada mereka yang dapat menyumbangkan maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya akan ditaip sama seperti apa yang diwawancara dan salinan itu akan ditaip selepas menjalani proses semakan. Bahan yang telah ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Seperti negara-negara lain di dunia, Malaysia juga tidak terkecuali. Kisah dan pengalaman lampau akan lenyap dengan sekelip mata. Tambahan pula dengan era teknologi maklumat yang semakin pesat berkembang di mana manusia dahulunya menggunakan teknologi analog seperti surat, telegram dan lain-lain tetapi kini manusia boleh berhubung dengan cepatnya dengan menggunakan Internet dimana telefon, email, laman berbual dan lain-lain. Ini membolehkan manusia berhubung tanpa hadnya di seluruh dunia. Tradisi menulis surat-surat panjang, telegram, penyimpanan catatan-catatan harian dan persediaan memo yang lengkap menjadi kurang mustahak dan semakin dilupakan. Dalam situasi seperti ini, Sejarah Lisan boleh menentukan supaya tidak semua perkembangan-perkembangan ini dilupai atau hilang sebagai bukti sejarah.

Di dalam usaha untuk memajukan penulisan sejarah Malaysia, penulisan tidak semestinya tertumpu atau difokuskan kepada tokoh-tokoh ternama dan peristiwa-peristiwa utama yang berlaku di sesuatu zaman. Sesungguhnya perkara ini penting, tetapi kita tidak boleh melupakan bahawa sejarah itu merangkumi juga cerita dan peristiwa rakyat biasa. Maka tajuk-tajuk yang bercorak sejarah tempatan dan juga sejarah negeri perlu diberi tempat yang sewajarnya. Di sinilah Sejarah Lisan sangat berguna kepada rakyat biasa yang tidak meninggalkan sumber-sumber bertulis. Di Malaysia, walaupun tradisi bertulis berkurangan tetapi ianya kaya dengan tradisi lisan. Peluang untuk merakamkan warisan ini boleh dilaksanakan melalui projek Lisan Sejarah.

Bagi meneruskan warisan penulisan sejarah lisan ini, saya Nor Aida Binti Fauzi bersama rakan saya Shahkiman Bin Alauddin telah memilih seorang tokoh yang paling lama berkhidmat di UiTM Kelantan. Beliau merupakan Prof Madya Dr Nik Kamarulzaman Bin Nik Abdulatiff. Kini beliau bertugas sebagai Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni) di UiTM Kampus Machang, Kelantan. Tugas utama beliau ialah sebagai Timbalan Rektor dan juga pensyarah di Fakulti Perakaunan dimana beliau perlu menabur bakti untuk mendidik anak bangsanya. Kami telah dipertemukan dengan Prof Madya Dr Nik Kamarulzaman Bin Nik Abdulatiff di pejabat beliau di UiTM Kelantan. Melalui temubual yang telah dilakukan, kami dimaklumkan bahawa beliau telah dilahirkan pada 30 Jun 1961 di Kota Bharu, Kelantan.

Berbekalkan pengalaman selama 27 tahun dalam bidang pendidikan, beliau merupakan staf akademik yang paling lama berkhidmat di UiTM cawangan Kelantan pada ketika ini. Beliau mula berkhidmat di UiTM Kelantan sejak dari awal penubuhan UiTM Kelantan lagi. Dari situ, segala perkembangan dan pembangunan yang dilakukan oleh UiTM Kelantan dari awal penubuhan sehingga tahun 2013 dapat dikisahkan oleh beliau.